

21 DEC 2002

Mesyuarat-Kabinet/I

MESYUARAT BERSAMA KABINET MALAYSIA-THAILAND ESOK

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

HAADYAI, 21 Dis (Bernama) -- Buat julung kali, Perdana Menteri Malaysia dan rakan sejawatannya dari Thailand akan mengetuai Kabinet masing-masing untuk membincangkan isu-isu dua hala dalam mesyuarat bersama di sini, pada Ahad.

Malam ini, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra yang mengetuai delegasinya ke Rumah Terbuka Hari Raya Aidifitri Peringkat Kebangsaan di Jitra, lebih kurang 80km ke selatan dari sini, menjemput Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat itu.

Para pegawai berkata mesyuarat itu adalah bagi memberi peluang kepada para Menteri kedua-dua negara untuk membiasakan diri antara satu sama lain dan bertukar pandangan.

Perbincangan kumpulan juga akan diadakan untuk menggariskan strategi bagi kemakmuran dan kesejahteraan penduduk kedua-dua negara.

Dalam satu temubual melalui Radio Thailand hari ini, Thaksin berkata mesyuarat itu adalah tidak rasmi dan tidak mempunyai apa-apa agenda spesifik, tetapi perbincangan dijangka meliputi isu-isu berkaitan kerjasama merentasi sempadan daripada segi sosial dan ekonomi, keselamatan sempadan, keganasan dan hal-hal ekonomi.

Para pegawai itu berkata kedua-dua pemimpin berkenaan juga dijangka bertukar pandangan mengenai cadangan saluran paip yang menerima bantahan penduduk Thailand dan pencinta alam sekitar yang mendakwa ia akan mencemarkan tanah mereka dan memusnahkan tempat menangkap ikan.

Malaysia dan Thailand telah merancang pembinaan saluran paip sepanjang 366km dalam tempoh dua tahun akan datang dari Teluk Siam di Thailand ke Malaysia.

Semasa mesyuarat separuh hari itu, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan empat mata bersama Thaksin sebelum menyertai perbincangan kumpulan mengenai strategi pembangunan.

Pertemuan lebih kurang sama telah dirancang dengan negara-negara lain yang bersempadan dengan Thailand.

Sempena dengan mesyuarat itu isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dijangka melawat pameran "Satu Kampung-Satu Produk" di Thailand di tempat mesyuarat itu.

Dr Mahathir dan Thaksin juga dijangka merasmikan penyambungan bekalan tenaga elektrik antara Malaysia dan Thailand yang merupakan hasil kerjasama kedua-dua negara dalam pembangunan tenaga.

Kedua-dua negara, melalui pembekal tenaga masing-masing iaitu Electricity Generating of Thailand dan Tenaga Nasional Bhd dari Malaysia, berganding dalam pelancaran Sistem Sambungan Arus Terus Voltan Tinggi Thailand-Malaysia.

-- BERNAMA

MFJ PR